

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR
KAWASAN : KULIM BANDAR BAHARU

SOALAN:

YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR (KULIM BANDAR BAHARU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menyediakan lampu jalan di jalan-jalan utama untuk ke kawasan pendalaman di Sabah dan Sarawak bagi mengelakkan kes rompakan, jenayah serta kemalangan berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan lampu jalan di Jalan-Jalan Persekutuan di negara ini dihadkan di lokasi-lokasi strategik dan berisiko kemalangan sahaja, seperti di persimpangan jalan, selekoh dan kawasan tumpuan orang ramai. Ini kerana cadangan pemasangan lampu di sepanjang Jalan Persekutuan melibatkan kos yang sangat tinggi. Oleh itu, faktor analisa kos faedah projek perlu diambil kira bagi memastikan Kerajaan memperoleh nilai terbaik untuk wang (best value for money) daripada setiap peruntukan yang dibelanjakan.

Walau bagaimanapun, kementerian ini sentiasa berusaha untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan jalan raya di negara ini, khususnya melibatkan lokasi atau kawasan yang kerap berlaku kemalangan atau 'blackspots'. Antara skop projek 'blackspots' ini ialah seperti penurapan semula jalan, memperelok selekoh, pemasangan perabot jalan seperti papan tanda, penanda jalan, 'guardrail' dan pemasangan lampu-lampu jalan di lokasi terlibat. Program 'blackspot' ini merupakan salah satu daripada penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kementerian ini pada setiap tahun. Pada tahun 2014 ini, sebanyak 60 lokasi 'blackspots' telah, sedang dan akan dinaikkan taraf di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 14 lokasi 'blackspots' ialah di negeri Sabah dan 14 lokasi 'blackspots' lagi di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

DATO' HAJI ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam mengawal minyak petrol dan diesel bersubsidi yang disediakan pihak Kerajaan kepada rakyat Malaysia daripada disalahgunakan oleh bukan rakyat Malaysia yang berkunjung ke Malaysia dengan membawa kenderaan sendiri terutamanya dari negara di sempadan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Adalah sukar bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas warganegara asing yang menggunakan kenderaan berpendaftaran Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian telah melaksanakan pelbagai tindakan bagi mengawal dan mencegah penyelewengan petrol RON95 dan diesel daripada berlaku di sempadan Negara, antaranya ialah seperti yang berikut :

- (i) melarang penjualan melebihi 20 liter bagi kenderaan asing dalam radius 50km dari sempadan negara;
- (ii) menghadkan waktu operasi stesen minyak dalam radius 10km dari kawasan sempadan sehingga jam 10.00 malam sahaja;
- (iii) menghadkan kuota jualan diesel dan petrol RON 95 di stesen-stesen minyak dalam radius 25km dari sempadan negara tidak melebihi 600,000 liter sebulan;
- (iv) mengenakan syarat larangan penjualan ke dalam tangki tambahan;
- (v) mewartakan diesel, RON 95 dan gas petroleum cecair sebagai barang larangan eksport di bawah Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011; dan
- (vi) menangkap dan mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana warganegara asing yang didapati cuba menyeleweng minyak petrol RON 95 dan diesel khususnya membawa ke luar bahan api tersebut melalui tangki kenderaan yang telah diubahsuai.

2. Selain itu, kerjasama KPDNKK dengan lain-lain agensi penguatkuasaan seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Unit Pencegah Penyeludupan, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Imigresen Malaysia di sempadan Negara turut membantu Kementerian dalam mengawal penyelewengan dan penyeludupan petrol dan diesel oleh rakyat asing. Dari tahun 2007 hingga Ogos 2014 sejumlah 3,015 kes serahan dengan RM26.17 juta nilai rampasan dicatat melibatkan serahan kes oleh lain-lain agensi penguatkuasaan yang berlaku di sempadan Negara.